

**DATO' ISHAK DILANTIK AHLI LEMBAGA PENGARAH PKBF, ENCIK
KAMARUDDIN PENGURUS BESAR BAHARU PKBF**

KUANTAN, 11 OGOS 2021 : Kerajaan Pahang melantik YH. Dato' Ishak Mokhtar sebagai Ahli Lembaga Pengarah Perbadanan Kemajuan Bukit Fraser (Tourism Pahang) (PKBF) berkuatkuasa 4 Ogos sehingga 31 Disember ini.

Pelantikan beliau telah dipersetujui YAB Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Haji Wan Rosdy Wan Ismail dan mesyuarat Lembaga Pengarah Perbadanan Kemajuan Bukit Fraser (Tourism Pahang) pada 4 Ogos lepas.

Beliau yang sebelum ini merupakan Pengurus Besar Perbadanan Kemajuan Bukit Fraser (Tourism Pahang) menerima surat lantikan tersebut daripada YAB Menteri Besar Pahang pada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri hari ini.

Dalam majlis yang sama, YBhg. Encik Kamaruddin Ibrahim Kutty telah menerima watikah lantikan sebagai Pengurus Besar Perbadanan Kemajuan Bukit Fraser (Tourism Pahang) menggantikan YH. Dato' Ishak berkuatkuasa 1 Ogos lepas.

Turut hadir, YB. Setiausaha Kerajaan Pahang, Dato' Sri Dr. Sallehuddin Ishak; Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Kebudayaan, Alam Sekitar, dan Perladangan dan Komiditi Negeri Pahang yang juga Pengerusi Perbadanan Kemajuan Bukit Fraser (Tourism Pahang), YB. Dato' Sri Mohd. Sharkar Shamsudin dan barisan EXCO Kerajaan Pahang. – **PAHANGMEDIA**

Disediakan oleh Unit Komunikasi dan Media Pahang (UKOMP)

#MajuTerusPahang
#Pahang1st
#KerajaanNegeriPahang
#PahangGo

Oleh : Ain Nadhirah Basha
Foto : Mahathir Ali

(LIPUTAN BERGAMBAR)

